


Laporan Pengarah Urusan



Managing Director's Report



Dato' Ahmad Ibnihajar

Tahun 2002 bermula positif, terutamanya bagi ekonomi Malaysia yang menunjukkan tanda-tanda awal untuk pulih daripada kemerosotan tahun 2001. Seiring dengan peningkatan ekonomi global ini, Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) telah mencatat pertumbuhan memberangsangkan sebanyak 7% dalam jumlah pengendalian bagi tahun 2002 berbanding penurunan 0.1% yang berlaku pada tahun 2001. Dengan itu, saya bantangkan penilaian prestasi kewangan dan operasi syarikat bagi tahun 2002.

The year 2002 began on a positive note, particularly for the Malaysian economy, which began to show signs of recovery from the economic downturn of 2001. In tandem with the global economic upswing, Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) recorded an impressive 7% growth in the total throughput for 2002 compared to the decrease of 0.1% noted in 2001. Therefore, it is with great pleasure that I present a review of the company's 2002 financial and operational performance.

PRESTASI KEWANGAN DAN PERNIAGAAN

Sebagaimana dinyatakan sebelum ini, jumlah pengendalian telah meningkat di dalam tahun 2002. Peningkatan ini turut diperlihatkan dalam hasil, iaitu RM187,212,193 (kumpulan) dan RM181,468,193 (syarikat), yang merupakan kenaikan sebanyak 5% dan 2% masing-masing berbanding dengan angka-angka tahun 2001.

BUSINESS AND FINANCIAL PERFORMANCE

As mentioned earlier, throughput increased in 2002. This increase was reflected in the revenue earned, ie. RM187,212,193 (group) and RM181,468,193 (company), which are increases of 5% and 2% respectively over 2001 figures.

PRESTASI OPERASI

Pelabuhan Pulau Pinang beralih arah daripada kemerosotan ekonomi tahun sebelumnya dengan jumlah pengendalian mencapai 21,800,536 tan, iaitu peningkatan sebanyak 7% berbanding tahun 2001. Import membentuk 57% daripada jumlah pengendalian, dengan komoditi utama terdiri daripada produk petroleum, besi scrap, gula mentah, jagung dan produk perkilangan.

OPERATIONAL PERFORMANCE

The Port of Penang rebounded from the economic downturn of the previous year with a total throughput amounting to 21,800,536 tonnes, which is a 7% growth compared to 2001.

Imports accounted for 57% of overall throughput, with major commodities comprising petroleum products, scrap metal, raw sugar, maize, and manufactured products.

Baki 43% merupakan barangan eksport. Komoditi-komoditi eksport utama termasuk getah, peralatan elektrik, produk perkilangan dan bahan-bahan plastik.

Exports made up the remaining 43% of overall throughput. Major export commodities included rubber, electrical apparatus, manufactured products and plastic materials.

KARGO BERKONTENA

Kargo berkontena mengekalkan kedudukannya sebagai penyumbang utama kepada jumlah pengendalian syarikat, dengan import sebanyak 4,012,178 tan dan eksport berjumlah 7,322,089 tan. Pelabuhan Pulau Pinang juga mengendali kargo pemindahan (transshipment) sebanyak 4,149 tan. Kesemua ini membentuk 52% daripada jumlah pengendalian Pelabuhan Pulau Pinang. Jika diterjemah sebagai "twenty-foot equivalent unit" (TEU), pelabuhan mencatat pengendalian 634,042 TEU dalam tahun 2002, iaitu peningkatan sebanyak 5% berbanding tahun 2001.

Sebahagian besar import berkontena adalah produk perkilangan dan kertas, manakala eksport berkontena pula adalah getah, peralatan elektrik dan produk perkilangan.

Bagi memenuhi keperluan perdagangan global yang semakin meningkat, Pangkalan Kontena Butterworth Utara (PKBU) akan dibangunkan di bawah Projek Pembangunan PKBU Fasa IIB. Antara skop kerjanya adalah perpanjangan tambatan sedia ada sebanyak 300 meter. Daripada ini, 100 meter pertama telah siap dibangunkan pada bulan Ogos 2001 dan beroperasi pada awal 2002.

Apabila projek ini selesai, PKBU akan berfungsi sebagai terminal kontena khusus bagi Pelabuhan Pulau Pinang dengan tambatan sepanjang 900 meter. Di samping itu, titi penghubung kedua akan dibina, 25 hektar tanah akan ditebusguna untuk kemudahan yad, dan peralatan pengendalian kontena yang berkaitan akan disediakan untuk membolehkan PPSB mengendali satu juta TEU setahun di PKBU.

CONTAINERIZED CARGO

Containerized cargo continued to hold its position as the main contributor to the company's total tonnage handled, with imports at 4,012,178 tonnes and exports at 7,322,089 tonnes. Penang Port also handled 4,149 tonnes of transshipment cargo. All this translated to 52% of Penang Port's overall throughput. In terms of twenty-foot equivalent units (TEUs), the port recorded 634,042 TEUs in 2002, which is an increase of 5% over 2001 figures.

The bulk of containerized imports were manufactured and paper products, while containerized exports were mainly rubber, electrical apparatus and manufactured products.

To meet the needs of increasing global trade in the form of containerized cargo, our North Butterworth Container Terminal (NBCT) will be expanded under the NBCT Phase IIB Expansion Project. Among the scope of works is the extension of the present berth by 300 metres, of which the first 100 metres was completed in August 2001 and became operational in early 2002.

Upon completion, NBCT will function as Penang Port's dedicated container terminal with a total wharf length of 900 metres. In addition, there will also be a second access bridge, 25 hectares of reclaimed land for yard facilities and the necessary equipment to enable us to handle 1-million TEUs per annum at NBCT.





KARGO KONVENSIONAL

Kargo Pukal Cecair

Pengendalian kargo pukal cecair telah meningkat sebanyak 7% daripada 4,101,480 tan pada tahun 2001 ke 4,390,533 tan pada tahun 2002. Dengan jumlah tanej ini, kargo pukal cecair merupakan penyumbang kedua besar kepada pendapatan PPSB.

Eksport menurun daripada 552,588 tan dalam tahun 2001 ke 508,529 tan dalam tahun 2002. Bagaimanapun, penurunan ini diimbangi oleh kenaikan sebanyak 9.4% dalam jumlah import, iaitu daripada 3,538,442 tan pada 2001 ke 3,882,004 tan pada 2002. Penyumbang utama kepada peningkatan ini adalah produk petroleum.

Kargo Pukal Kering

Jumlah kargo pukal kering yang dikendalikan oleh PPSB pada tahun 2002 adalah sebanyak 3,996,203 tan. Ini adalah kenaikan sebanyak 7% berbanding 3,748,445 tan yang dikendalikan pada tahun 2001. Meneruskan pola pada tahun-tahun lepas, import jauh mengatasi eksport di mana import membentuk 3,521,807 tan atau 88% daripada jumlah kargo pukal kering yang dikendalikan. Komoditi import utama termasuk besi skrap, gula mentah dan jagung.

Kargo Pecah Pukal

PPSB mengendalikan 2,075,384 tan kargo pecah pukal pada tahun 2002, iaitu peningkatan sebanyak 4% jika dibandingkan dengan 1,997,464 tan pada tahun 2001. Eksport mendahului dengan sejumlah 1,114,197 tan manakala import pula adalah sebanyak 943,867 tan. Sebanyak 17,500 tan kargo pemindahan turut dikendalikan.

Ekport kargo pecah pukal sebahagian besarnya adalah dalam bentuk gelung/bar/kepingan besi dan gula diproses. Import juga majoritinya gelung/bar/kepingan besi, serta sayuran/bebawang/kentang dan papan lapis/veneer.

CONVENTIONAL CARGO

Liquid Bulk Cargo

Liquid bulk cargo handling increased from 4,101,480 tonnes in 2001 to 4,390,533 tonnes in 2002, signifying a 7% growth. With this tonnage, liquid bulk cargo is the second major income earner for PPSB.

Exports declined from 552,588 tonnes in 2001 to 508,529 tonnes in 2002. This reduction was counterbalanced by an increase of 9.4% in imports, ie. from 3,538,442 tonnes in 2001 to 3,882,004 tonnes in 2002. The main contributor towards the increase was petroleum products.

Dry Bulk Cargo

Total dry bulk cargo handled by PPSB in 2002 amounted to 3,996,203 tonnes, which is an increase of 7% compared to the 3,748,445 tonnes handled in 2001.

Continuing the trend of previous years, imports far exceeded exports with imports making up 3,521,807 tonnes or 88% of total dry bulk cargo handled. Major import commodities included scrap metal, raw sugar and maize.

Breakbulk Cargo

PPSB handled 2,075,384 tonnes of breakbulk cargo in 2002, an increase of 4% compared to the 1,997,464 tonnes handled in 2001. Exports led the way with a total of 1,114,197 tonnes, while imports made up 943,867 tonnes. A total of 17,500 tonnes were also handled as transshipment cargo.

Breakbulk exports were mainly in iron steel coils/bars/plates and refined sugar. Imports were also largely in the form of iron steel coils/bars/plates, as well as vegetables/onions/potatoes and plywood/veneer.



PERKHIDMATAN KAPAL PENUMPANG

Dengan penumpang seramai 558,265 orang, perkhidmatan kapal penumpang pada tahun 2002 mencatat peningkatan memberangsangkan sebanyak 17% berbanding tahun 2001. Singgahan kapal penumpang juga meningkat daripada 2,350 pada tahun 2001 ke 2,522 pada tahun 2002.

PPSB meramalkan bahawa pola ini akan berterusan dan bilangan penumpang yang turun/naik di Pelabuhan Pulau Pinang akan melebihi 1 juta orang tidak lama lagi. Sehubungan itu, pelan telah dirangka untuk membangunkan semula Jeti Swettenham menjadi sebuah terminal kapal penumpang bertaraf antarabangsa, berupaya mengendali kapal-kapal yang lebih besar serta dilengkapi kemudahan-kemudahan yang lebih baik untuk para penumpang.

Sebagai pelengkap kepada terminal kapal penumpang ini, sebuah marina juga dirancang di Jeti Lebuh Gereja. Marina ini dijangka dapat menampung 102 bot, yacht dan superyacht dengan ukuran panjang antara 10 hingga 90 meter.



PASSENGER CRUISE SERVICES

With a total of 558,265 passengers embarking/disembarking, passenger cruise services in 2002 recorded an impressive 17% growth over 2001 figures, reflective of the remarkable global economic recovery. Passenger vessels alongside also went up from 2,350 in 2001 to 2,522 in 2002.


PPSB foresees that this trend will continue and we expect the number of passengers embarking/disembarking at Penang Port to exceed 1 million in the near future. As such, plans have been made to redevelop Swettenham Pier into a world-class, dedicated cruise terminal, capable of handling bigger vessels and equipped with better facilities for cruise passengers.

The proposed international cruise terminal will be complemented by a marina base at Church Street Pier. This marina is expected to be capable of accommodating 102 boats, yachts and superyachts ranging between 10 to 90 metres in length.

With the new marina base and redeveloped Swettenham Pier, PPSB will be able to assist in government efforts towards promoting Penang as a prime tourist destination.



Dengan adanya marina dan pembangunan semula Jeti Swettenham, PPSB dapat membantu usaha-usaha kerajaan mempromosikan Pulau Pinang sebagai sebuah destinasi pelancongan utama.





SINGGAHAN KAPAL

Pelabuhan Pulau Pinang mencatat pertumbuhan dalam semua aspek operasi, termasuk singgahan kapal, di mana sejumlah 7,509 kapal singgah pada tahun 2002 berbanding 7,460 pada tahun 2001. Seiring dengan ini, "Gross Registered Tonnage" (GRT) turut meningkat dari 29.3 juta tan pada tahun 2001 ke 30.7 juta tan pada tahun 2002.

PERKHIDMATAN FERI

2002 melihat pertambahan dua buah feri, menjadikan jumlah feri PPSB sebanyak lapan buah. Empat daripada ini adalah feri khusus untuk kenderaan, manakala empat lagi adalah untuk kenderaan dan penumpang pejalan kaki.



SHIP ARRIVALS

Penang Port showed growth in all operational aspects, including ship arrivals, whereby a total of 7,509 vessels called at Penang Port in 2002 compared to 7,460 in 2001. Likewise, Gross Registered Tonnage (GRT) rose from 29.3 million tonnes in 2001 to 30.7 million tonnes in 2002.



FERRY SERVICES

2002 saw the addition of two new ferries, bringing the total number of ferries in our fleet to eight. Four of these ferries are dedicated vehicular ferries and four are vehicular-cum-passenger ferries.



Di bawah susunatur ini, PPSB menyediakan perkhidmatan feri kepada 2,527,864 pejalan kaki, 40,358 basikal, 2,048,014 motorsikal, 1,243,675 kereta dan 118,382 lori pada tahun 2002. Daripada jumlah tersebut, peningkatan nyata berbanding angka-angka tahun 2001 dicatat bagi trafik kereta dan lori, iaitu masing-masing sebanyak 30% dan 24%. Ini boleh diandaikan berbangkit daripada jangkamasa menunggu yang lebih singkat ekoran adanya perkhidmatan feri khusus untuk kenderaan.

Perkhidmatan feri bukanlah suatu aktiviti teras perniagaan PPSB, sebagaimana diperlihatkan dalam hasil yang diperolehi daripada operasi feri berbanding operasi pelabuhan. Hasil daripada operasi feri bagi tahun 2002 adalah RM14,080,332, iaitu hanya sebanyak 7.8% daripada jumlah hasil keseluruhan Pelabuhan Pulau Pinang.

Under this setup, PPSB provided ferry services to 2,527,864 pedestrian passengers, 40,358 bicycles, 2,048,014 motorcycles, 1,243,675 motorcars and 118,382 lorries in 2002. From these, significant increases over 2001 figures were noted in motorcar and lorry traffic, ie. 30% and 24% respectively, which can be attributed to the shorter waiting time arising from the reintroduction of fully-vehicular ferries.

The ferry services is not a core business function of Penang Port, as is reflected in the revenue earned from ferry operations versus port operations. Revenue from ferry operations in 2002 was RM14,080,332 which makes up only 7.8% of the port's total revenue.





SUMBER MANUSIA

PPSB sedar bahawa pertumbuhan Pelabuhan Pulau Pinang tidak mungkin tercapai tanpa adanya tenaga kerja yang terlatih, penuh motivasi, serta komited terhadap merealisasikan objektif-objektif perniagaan syarikat. Berlandaskan kesedaran ini, penekanan telah diberi kepada pembangunan kemahiran, peningkatan pengetahuan dan kebajikan pekerja bagi wargakerja seramai 1,571 orang.

PENGHARGAAN

Komitmen dan dedikasi wargakerja, serta kerjasama positif daripada para pelanggan, rakan niaga dan badan-badan kerajaan berkaitan, semuanya berperanan menentukan kemajuan pelabuhan. Bagi pihak Pengurusan PPSB, saya ingin sampaikan penghargaan ikhlas dan harapan kami agar perhubungan baik ini akan terus berkembang pada tahun-tahun mendatang.

Salam hormat

Dato' Ahmad Ibnihajar
Pengarah Urusan

HUMAN RESOURCES

PPSB recognizes that Penang Port's growth would not have been possible without a well-trained and motivated workforce committed towards achieving the port's business objectives. As such, emphasis was placed on skills development, knowledge acquisition and employee welfare for the port's 1,571 personnel.

ACKNOWLEDGEMENT

The commitment and dedication of our workforce, and positive cooperation from customers, business associates and related government agencies, all played a part in ensuring the port's growth. On behalf of PPSB's Management, I wish to extend our sincere gratitude and hope that this close relationship will continue to prosper.

Best regards

Dato' Ahmad Ibnihajar
Managing Director